

## 1455 pelajar baru tandatangani aku janji

Oleh Norinda K. Su'ut

**S**eramai 1455 orang pelajar baru melafaz ikrar dan menandatangani surat Aku Janji untuk sesi 2002/03 di Dewan Unimas pada 31 Mei 2002. Memandangkan ruang yang tidak mencukupi majlis diadakan serentak di Dewan Unimas dan Panggung Eksperimen.

Dalam ucapan alu-aluannya Naib Canselor Prof Yusuf Hadi menyeru para pelajar agar menyahut cabaran dengan melengkapkan diri dan mencapai profil yang selaras dengan misi dan visi Unimas.

Prof Yusuf juga mengharapkan para pelajar menggunakan sepenuhnya kemudahan yang terdapat di Unimas dan menamam keazaman yang tinggi agar dapat menjadi pelajar yang berketrampilan dan berfikir secara kritikal. Beliau menegaskan beberapa ciri graduan yang dikehendaki oleh Unimas, antaranya berke-sanggupan mencari ilmu sepanjang hayat dengan banyak membaca dan mencari pengetahuan melalui kemudahan ICT.

"Graduan perlu fasih berkomunikasi dalam bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris amat penting dalam tempoh pengajian di Unimas dan dalam dunia pekerjaan," katanya. Tambah beliau lagi, mulai tahun ini Unimas akan mengendalikan lebih 50 peratus kursus di universiti dalam bahasa Inggeris. Pelajar tegasnya lagi perlu meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris jika ingin terus cemerlang dalam pelajaran dan kehidupan.

Ciri lain yang diperlukan juga adalah mengamalkan kehidupan yang seimbang dalam pengurusan diri dan bidang lain yang diceburi serta sentiasa sensitif tentang isu-isu semasa agar bersedia meng-perubahan dan cabaran hari ini. Pelajar, perlu mempunyai dan alkan nilai-nilai murni yang dengan kebudayaan orang timur tak tercemar oleh unsur-unsur memastikan suasana kampus



Saiful Adli Yaman mewakili pelajar baru menyerahkan surat Aku Janji kepada Naib Canselor, Prof Yusuf Hadi di Dewan Unimas.

sentiasa aman, ceria, bersih, komuniti kampus khususnya staf dan pelajar diseru agar sama-sama memberi sumbangan dalam menjaga nama baik Unimas di dalam mahupun di luar kampus serta mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti memakai kad nama atas tujuan keselamatan, tidak merokok di dalam kawasan kampus, mematuhi kod etika berpakaian dan berambut pendek serta kemas.

Sementara itu Ketua Majlis Perwakilan Pelajar, Awang Mohd. Najib bin Awg. Chee dalam ucapannya pada majlis itu berkata pelajar perlu mempunyai persiapan diri yang utuh agar tidak keciciran dalam mengharungi ombak samudera kehidupan baru ini. Tambah beliau lagi, mahasiswa perlu mempunyai prinsip hidup yang jelas kerana ini penting dalam pembentukan masyarakat madani dan maju seiring dengan kemajuan masyarakat yang pantas di samping mempergunakan status mahasiswa dengan betul kerana mahasiswa adalah penentu masa depan negara.

"Kita perlulah peka dan sedar bahawa selaku generasi pewaris, kita perlu bersikap lebih proaktif dan futuristik dalam merencanakan masa depan bangsa dan negara," katanya sambil menegaskan tumpuan mahasiswa bukan sahaja dalam pembangunan akademik, intelek dan IQ tetapi juga pembangunan sahsiah diri, jasmani dan emosi juga penting.

Mahasiswa perlu menjadikan kampus sebagai medan perjuangan dalam mempersiapkan diri dengan kemahiran serta menggarap sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan pengalaman selaras dengan misi Unimas sendiri untuk menjadi universiti contoh yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik dalam bidang pembelajaran, akademik dan pendidikan. Majlis di akhiri dengan bacaan ikrar pelajar dan Aku Janji diketuai oleh Saiful Adli Bin Yaman.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah pegawai utama Unimas, staf akademik dan staf pentadbiran. Majlis dimulai de-

# Wacana Editor

## Unimas berwajah baru 2004

Alhamdulillah, 13 Mei lalu telah menyaksikan Unimas melakarkan satu lagi sejarah tanah air kerana pada tarikh tersebut secara rasmi bermulanya pembinaan kampus baru Unimas. Projek yang menelan belanja sebanyak RM750 juta itu dirasmikan pembinaannya oleh Ketua Menteri Sarawak, Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Hj. Abdul Taib bin Mahmud.

Terbinanya kampus yang serba canggih itu nanti diharap akan menjadi satu lagi pemangkin kepada sistem pendidikan di negeri ini khususnya dan Malaysia amnya. Apabila siap nanti pada awal tahun 2004, kampus itu akan dapat menampung seramai 6000 hingga 8000 orang berbanding 4000 orang pada masa ini. Dengan peningkatan pelajar yang besar ini akan memberi peluang bukan sahaja kepada anak-anak muda di negeri ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tetapi juga menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Sewajarnya peluang sebegini direbut oleh masyarakat tempatan.

Kampus yang dilengkapi dengan kemudahan yang serba moden ini akan menjadi kampus yang terancang di Malaysia dan menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada warga Unimas tetapi juga kepada rakyat negeri Sarawak. Sebagai warga Unimas dan rakyat Sarawak kita seharusnya berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menyediakan kemudahan pendidikan yang begitu besar untuk dinikmati oleh generasi kita yang akan datang.

76.2% Page: 1

## Mutiara Kata

- *Jika anda hilang segala-galanya, jangan lupa, kerana anda masih mempunyai masa depan.*
- *Kesabaran akan lebih menguntungkan daripada kekuatan yang dimiliki.*
- *Jika anda berhasrat untuk berjaya, jangan hanya memandang ke tangga tetapi belajarlah untuk menaiki tangga tersebut.*
- *Pengalaman ialah gelaran yang diberikan oleh setiap orang terhadap kesilapan mereka.*

**Persada** diterbitkan tiga bulan sekali sebagai wadah terkini warga kampus. Kami di Unit Penerbitan mengalu-alukan sumbangan dari para pembaca terutama sekali warga Unimas untuk dimuatkan di dalam **Persada**. Sumbangan bolehlah dalam bentuk artikel, rencana, kertas kerja, cerpen, syair, berita semasa dan sebagainya. Setiap sumbangan bolehlah dialamatkan terus kepada Unit Penerbitan Unimas.



peneraju masa depan gemilang

# Persada

## EDITORIAL

### PENASIHAT

Prof Yusuf Hadi

yusuf@cans.unimas.my

Prof Khairuddin Ab Hamid

khair@cans.unimas.my

Prof Abd Rashid Abdullah

ara@cans.unimas.my

Prof Madya Dr. Hamsawi Sani

awi@cans.unimas.my

### KETUA EDITOR

Jeniri Amir

jamir@fss.unimas.my

### EDITOR

Zulkarnain Kipli

kzulkarnain@cans.unimas.my

Norinda K.Su'ut

snorinda@cans.unimas.my

### JURUFOTO

Haimey Abdul Razak

arhaimey@cans.unimas.my

### PEMBACA PRUF & REKA LETAK

Misut Bt Paie

pmisut@cans.unimas.my

Rohaida Bt Mohamad

mrohaida@cans.unimas.my

### PENYUMBANG

Margaret Simeng

Pusat Khidmat Maklumat Akademik

Mohd. Fairus Abdul Majid

Pemangku Pegawai Kebudayaan &amp; Kesenian

Mahani Mohammad Abdul Shakur  
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan

Zulkalnain Zainal Abidin

Fakulti Seni Gunaan &amp; Kreatif

Faaizah Shahbodin

Fakulti Teknologi Maklumat

Pusat Pemajuan Pelajar

Unit Palapes, Unimas

Unit Sukan, PPP

### EDARAN

Unit Penerbitan Unimas

### PENERBIT


Unit Penerbitan

Bahagian Canselori,  
Universiti Malaysia Sarawak  
(Unimas),94300 Kota Samarahan,  
Sarawak.

Tel: 082-671000

Faks: 082-672411

# New campus to be the centre of knowledge



*Prof Yusuf Hadi explaining to Datuk Taib about the new campus.*

**C**onstruction work on Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) permanent campus was launched on May 13 2002 by Chief Minister, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Abdul Taib Mahmud at the campus site. He also witnessed the signing of a contract between Taisei Zecon JV (a joint venture company of Taisei Corporation of Japan and Zecon Engineering Sdn. Bhd. Sarawak) and Unimas.

Taisei Zecon JV was represented by Taisei Managing Director, Satoru Ogata and Zecon Engineering Chairman, Datu Dr. Hatta Solhi while Unimas was represented by its Vice Chancellor, Professor Dr. Yusuf Hadi and Deputy Vice Chancellor, Professor Khairuddin Abd Hamid.

Also present during the ceremony were Deputy Chief Minister, Tan Sri Datuk Amar Alfred Jabu, Agriculture and Food Industries Minister, Dato' Seri Adenan Haji Satem, Chairman of the Unimas Board of Management, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohammad Noor, members of the State Cabinet, politicians, Unimas lecturers and community leaders.

Taib, in his launching speech said, Unimas would be built on a strong foundation based on the aspirations and social needs of the people in the state. He also pointed out that the state's premier university is expected to be the centre of educational excellence, especially for grooming future leaders and profes-

sionals.

He further stressed that Unimas should become a centre for our future leaders to converge and learn to interact among themselves. Through this, Unimas will fulfill its obligation to our people to build a multi-racial, multi-religious and multi-lingual society.

Unimas, he added, should not merely be a centre for students to obtain their degrees for a brighter future but also a place to train students to handle pressure and become trained future leaders.

"It's not enough to expose student just to the new advancements in technology. We want graduates who care for the society, who learn not only from the books but also through interactions with the surrounding communities," he said.

Taib who is also Pro-Chancellor of Unimas said that to move forward, citizens must be able to fuse the modern and religious values together. "We can't reject changes, especially in this age of globalization," he pointed out adding that many Islamic countries had failed to develop their economies and communities due to their ignorance in accepting modern values.

Meanwhile, Unimas Vice Chancellor, Professor Dr. Yusuf Hadi, in his speech was confident that Unimas would be a catalyst for the development of Sanarahan as a hub of education and research.

The permanent campus is targeted for completion in February 2004 in time for the registration of new students coming

in for the first semester of 2004 / 2005 in May that year. Unimas expects to increase its population to 8000 at that time compared with 4000 at present.

Touching about the campus, he said the-campus is user friendly and it will be convenient for staff to move from one building to another without worrying about being caught in the rain or hot sun as all buildings will be linked by covered walkways. The design of the structure is timeless, both beautiful and sophisticated". This urban style campus concept will also provide student and staff with commercial facilities in close proximity to the teaching and learning facilities.

The new campus will have a lot of unique features, among them is a three kilometre service tunnel to house the Unimas electrical network and communication lines, and two lakes for recreational activities. As a landmark, two specially designed water towers will be built.

"Once completed, it could very well be the most beautifully landscaped university in Malaysia", he added.

The campus will costs RM750 million in total. The bulk is being financed through a loan from the Japan Bank for International Cooperation while the rest from the Federal Government.

The first phase of the project involves the construction of five science-based faculties, centres, institutes, chancellery, a hostel, eight residential colleges and sports facilities.

# Disaster management: Strengthening the national security capabilities

**“The nations of the world must learn from each other in order to prevent environmental de-gradation and unethical business practices. It re-quires serious attention and involvement by all parties,” the State Secretary said in his opening speech at the Disaster Management Conference held in Kuching recently.**

Datuk Amar Abdul Aziz Hussain said the government officers, business leaders and academicians could discuss issues related to disaster management, particularly on strengthening the national security capabilities.

Aziz remarked that institute of higher education could play their own role by establishing units for the training, education, research and development in disaster management. For example, University Utara Malaysia (UUM) has established its own Disaster Management Institute in the School of Management on 1st May 2002. The Institute works closely with other universities, research institutes, government agencies, NGOs and the corporate sector, both local and abroad in its education, research and development activities.

“The region could also become the disaster management center if economic development is planned and implemented properly. Clearly the time has come to rethink the concept of development from an environmental and disaster perspective,” said Datuk Amar Aziz. Stressing the need for all nations of the world to learn disaster management from each other, he added, Japan would provide valuable lessons for other countries.

“Japan, which was the first Asian country to achieve the status of a developed nation, had experienced some disasters as a result of poor management of its industrial wastes. The adoption of Japa-



**Datuk Amar Abdul Aziz**

nese experiences in laws and regulations, technology and education would help developing countries to balance development and environment to reduce environmental problems and possible disasters,” he pointed out.

Earlier Unimas Vice Chancellor, Prof Yusuf Hadi in his welcoming speech thank UUM, Division of National Security of Prime’s Minister Department and Faculty of Economics and Business, Unimas for co-organizing this conference and Yayasan Sarawak for its funding.

“Disaster, whether natural or man-made, affect all. Those affected directly suffer to varying degrees depending on the seriousness of the disasters. Others are affected indirectly, and as a member of a community each of us should ‘feel’ the pain and have the urge to do something about it. Disaster management, therefore, involves the roles of governments, universities, corporate sectors and society at large,” Prof Yusuf stressed.

UUM Vice Chancellor’s message stressed the need to bring together scholars, researchers, practitioners, consultants’ government and non-government agencies, policy-makers and the corporate from Malaysia and abroad to exchange and share ideas and information and expertise, to promote understandings and cooperation on important issues on

disaster management.

This Conference is an important forum for future preparation. The 1st and 2nd International Conference was held in Langkawi in 2000 and Surabaya in 2001. Various issues pertaining to environment policies, public health and safety, economic, legal, tax and financial implications, training and development, technology and innovation, prevention and control, moral and business ethics, occupational health and safety and other relevant issues were analyzed and discussed.

The two day conference with a theme, “Strengthening National Capabilities ” has attracted 80 working papers covering wide range of topics including national security issues, environmental, ecolog-

ical and public safety issues, prevention, controls and management disasters, training and development on disaster management, technology and innovation on the disaster management and many others.

The rising interest shown towards this conference by both the Malaysian and international participants will spur us to devote greater efforts in promoting the conference into truly inter regional forum at least at Asia Pacific level in discussing and addressing issues and sharing the findings on the subject of disaster management.

The fourth conference in Bali, will be organized by ALCON.



**Among the participants at the conference.**

# Pelajar FSGK terokai laut Sabah

**B**aru-baru ini Program Seni Halus (Fotografi), Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) telah melawat ke Taman Negara Tunku Abdul Rahman di Sabah. Rombongan seramai 20 orang pelajar ini diketuai oleh Encik Zulkalnain Zainal Abidin dan dibantu oleh Encik Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani.

Menurut Encik Zulkalnain Zainal Abidin, antara objektif lawatan ini adalah untuk mempraktikkan pengetahuan mengenai peralatan kamera bawah air dalam persekitaran yang sebenar dan cara-cara penjagaannya, memahami sistem ekologi marin sebagai bahan fotografi dengan lebih dekat, memberi peluang dan keyakinan kepada pelajar untuk menimba pengalaman bagi mengendalikannya aspek fotografi di bawah air.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman serta kesedaran tentang pemeliharaan alam dasar laut dengan adanya dokumentasi visual seni foto yang terkumpul dan menghayati keindahan dasar laut negara.

Selain pelajar FSGK, pelajar dari fakulti lain juga menyertai lawatan tersebut. Mereka terdiri daripada pelajar program Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber dan seorang dari Fakulti Teknologi Maklumat. Penyertaan mereka adalah untuk menimba pengalaman menyelam dan menikmati keindahan kehidupan marin di Sabah.

Aktiviti skuba ini dibantu oleh Encik Sahrol Hamzah



dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam selaman skuba. Program ini merupakan kali pertama dilakukan di luar perairan Sarawak. Biasanya aktiviti seumpama ini dilakukan di sekitar perairan Sarawak sahaja terutamanya di Pulau Talang-Talang dan Pulau Satang.

Rombongan ke Sabah ini menaiki bas Unimas melalui perjalanan dari Kuching ke Kota Kinabalu yang mengambil masa lebih 16 jam.

Kehidupan dasar laut di perairan Sabah merupakan salah satu kawasan ekologi marin yang unik. Malah Jacques Cousteau, seorang ahli marin konservasionis yang terkenal mengakui kepulauan Sipadan di Sabah sebagai salah satu kawasan selaman skuba yang terbaik dan terindah di dunia. Ia memberi peluang luas untuk dirakam melalui medium • fotografi. Itulah antara faktor yang menarik rombongan akademik Unimas membuat lawatan ke



Sipadan Sabah.

Selain merakamkan persekitaran dasar laut, pelajar juga didedahkan kepada pelbagai kehidupan marin. Perihal menjaga alam air juga dititikberatkan bagi memastikan keindahan ini tidak tercemar dan dirosakkan untuk dihayati oleh generasi akan datang.

Setakat ini masih belum terdapat institusi pengajian tinggi lain di Malaysia yang menawarkan kursus fotografi bawah air secara khusus. Buat masa ini fotografi bawah air ini hanya digunakan oleh saintis marin sebagai bahan dokumentasi sementara elemen estetika tidak dititikberatkan. Sejak kebelakangan ini kesedaran dan minat yang meningkat mengenai sukan rekreasi skuba telah memberi ruang untuk memajukan fotografi bawah air.

Program lawatan di atas diharap akan meningkatkan minat terhadap perkembangan positif terhadap bidang fotografi bawah air dan di samping itu menghasilkan para graduan yang mempunyai kemahiran yang baik dalam bidang ini.

Taman Negara Tunku

Abdul Rahman ini merupakan satu gagasan pulau marin yang indah dan mempunyai keluasan 50 km persegi yang telah diwartakan sebagai Taman Negara pada tahun 1974. Taman Negara ini terletak tidak jauh dari Bandaraya Kota Kinabalu.

Terdapat lima buah pulau di sini iaitu Pulau Gaya, Pulau Sapi, Pulau Manukan, Pulau Sulug dan Pulau Mamutik. Pelajar telah membuat selaman skuba dan snorkeling di Pulau Sapi, Manukan, Sulug dan Mamutik. Selain aktiviti selaman skuba dan snorkeling, pelajar juga telah membuat lawatan ringkas ke kampus Universiti Malaysia Sabah dan ke banjaran Gunung Kinabalu.

Walaupun jangka masa lawatan ke Sabah ini agak pendek namun ia tetap mencapai matlamat yang dikehendaki. Pengalaman yang ditimba akan meningkatkan kewibawaan para pelajar dan memantapkan mereka sebagai bakal graduan yang berdisiplin, berhemah dan berkualiti.



# Malam rumpun budaya meriah



**Antara persembahan pada Malam Rumpun Budaya sempena minggu aluan pelajar sesi 2002 / 2003.**

Pelbagai aktiviti dianjurkan sempena Minggu Aluan Pelajar Baru Unimas baru-baru ini. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) telah mengatur program yang antara lain adalah untuk mendedahkan pelajar baru tentang kehidupan sebagai mahasiswa dan memupuk semangat setia kawan dan perpaduan.

Malam Rumpun Budaya merupakan acara penutup majlis aluan pelajar pada setiap tahun yang bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan mahasiswa dan mahasiswi tentang pentingnya menghayati nilai budaya yang terdapat di Malaysia.

Pelajar dibahagikan kepada 36 kumpulan. Persembahan mereka telah diadakan dalam dua bentuk, iaitu penulisan buku skrap dan persembahan kumpulan. Sebanyak 20 kumpulan membuat persembahan Deklamasi Lakon (Dekon) dan Nyanyian Berkumpulan manakala 16

kumpulan membuat buku skrap.

Persembahan Dekon bertemakan isu alam sekitar dan isu semasa, sementara untuk nyanyian persembahan perlu dalam bentuk Dikir Barat, Koir, rangkaian lagu rakyat, ucapan berirama dan Boria.

Hadiah berupa hamper dan kupon sarapan pagi, makan tengah hari dan malam ditaja oleh Pengurus Pohon Mas, Syarikat Dennyamas, Syarikat Dinah Cafe, Syarikat Kesuma Jaya dan Syarikat Jaja Enterprise.

Sebanyak 15 buah hamper dan kupon makanan juga telah disampaikan kepada pemenang untuk cabutan bertuah pada malam itu. Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Naib Canselor Prof Yusuf Hadi, Prof. Sulaiman Hanafi - Dekan Pusat Pemajuan Pelajar dan pihak penguurusan.

Hakim yang mengadili pertandingan tersebut terdiri daripada Encik Noor Azrul bin Mohd Arif, Pegawai Kebudayaan Unimas juga bertindak sebagai

ketua hakim, Encik Sharkawi Che Din, Penyelaras Teknologi Seni Reka FSGK dan Encik Roshan Abdul Rahim guru Sekolah Kebangsaan Muara Tuang.

Terdahulu, acara sukaneka anjuran MPP di bawah pengawasan unit sukan PPP telah diadakan di gelanggang unit sukan dan antara acara yang dipertandingkan ialah tarik tali, tarik upih, jalan atas bata, terompah gergasi, kaki hantu dan road relay.

Majlis ikrar dan aku janji telah diadakan pada sebelah pagi 31 Mei 2002 di Dewan Unimas. Malam Rumpun Budaya pada sebelah malamnya merupakan acara penutup untuk majlis aluan pelajar. Pendaftaran pelajar baru sesi 2002/2003 telah diadakan pada 27 dan 28 Mei 2002 di Dewan Unimas. Pengambilan untuk sesi 2002/2003 ini berjumlah 1455 orang dari seluruh Malaysia.

## • dari muka depan

ngan perarakan masuk para pegawai utama Unimas dan para akademik.

Sementara itu beberapa pelajar baru yang ditemui melahirkan perasaan mereka setelah menjadi warga Unimas. **Jason Yee Yeen Kit** berasal dari Pulau Pinang, 21 tahun, sangat gembira dapat

melanjutkan pengajiannya dalam bidang Sumber Kimia di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) di sini. Anak kacukan Cina British ini berazam untuk belajar bersungguh-sungguh di samping mendapat kawan sepanjang tempoh pengajiannya. Bagi **Abang Asfia Abang**

**Ariffin**, 23 tahun, anak jati Kuching berasa gembira kerana dapat melanjutkan pengajiannya di salah sebuah universiti yang terbaik di negara ini dan berhasrat untuk mencapai keputusan yang cemerlang serta melakukan apa yang terbaik untuk dirinya dan universiti khasnya.

Manakala bagi **Cecillia Ann Simbah** dari Negeri di Bawah Bayu, dia mengambil kursus Kajian Komunikasi, Fakulti Sains Sosial kerana ingin mendapat ijazah dalam bidang yang diminatinya di samping meningkatkan kemahirannya sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan kelak. **Mohd. Shahren Bin Mohd. Yusri Abdullah**, seorang lagi anak jati Sarawak berkata, Unimas menjadi pilihan utamanya untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Kajian Komunikasi kerana suasana persekitaran kampus yang menarik dan tenang serta amat sesuai dengan jiwanya sebagai tempat menimba ilmu.



**Cecelia Ann Simbah**



**Mohd Shahren**



**Jason Yee Yeen Kit**

# Prof Rogers serahkan 2800 naskhah koleksi peribadi

**P**usat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) Unimas telah menerima sumbangan Koleksi Peribadi Profesor Marvin L. Rogers berjumlah 2800 naskhah. Sumbangan tersebut akan memperkaya Koleksi Asia Tenggara Universiti Malaysia Sarawak, yang di bina oleh PKMA pada Oktober tahun lepas.

Koleksi tersebut disampaikan sendiri oleh Profesor Marvin L. Rogers dan diterima oleh Profesor Khairuddin Ab Hamid, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dalam suatu majlis di Bilik Canselori, Unimas pada 13 Jun lalu.

Turut hadir ialah Profesor Abdul Rashid Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Akademik), Profesor Michael Leigh (Pegarah Institut Pengajian Asia Tenggara), Profesor Clifford Anderson Sather (Pemegang Kerusi Pengajian Dayak), Profesor Madya Dr Hamsawi Sani (Pendaftar), Puan Kamariah Mohd. Janor (Bendahari), Puan Margaret Simeng (Pustakawan Kanan Pusat Khidmat Maklumat Akademik Unimas), Puan Rashidah Bolhassan (Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak), Anni Bel Pareira (Pegawai Kebudayaan Pejabat Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur), Cik Shazwana Hj. Suhaili wakil dari Muzium Sarawak serta para Pustakawan.

Profesor Rogers mendapat Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Oriental daripada Kolej Pomona Selatan California pada 1955, sarjana dalam bidang Pengajian Antarabangsa dari Universiti California-Bakerley pada 1957, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sains Politik pada 1968, juga daripada Universiti California-Bakerley. Beliau telah membuat "postdoctoral fellowship" di Universiti Yale pada 1971 sehingga 1972 mengkaji sejarah Asia Tenggara.



**Prof Marvin L. Rogers menyerahkan koleksi peribadi beliau kepada Prof Khairuddin dengan disaksikan oleh Prof Rashid dan Puan Margaret.**

Antara 1957 dan 1960, beliau aktif menjalankan penyelidikan mengenai negara-negara Asia, terutamanya rantau Asia Tenggara. Pada masa itu, beliau telah menjelajah ke seluruh rantau tersebut dan cuba memahami pengetahuan politik di kalangan penduduk kampung, bagaimana mereka mempelajari serta terlibat dalam politik dan kesan politik ke atas kehidupan mereka. Beliau mula membina koleksi bahan-bahan berkenaan Asia Tenggara, terutamanya Malaysia dan Indonesia. Selama empat dekad selepas itu, beliau menjelajah dan tinggal di seluruh ceruk rantau Dunia Ketiga, seperti Asia, Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah.

Beliau telah menjadi ahli antropologi politik dan mendalami minat beliau tentang bagaimana politik mempengaruhi kehidupan penduduk di seluruh Dunia Ketiga, terutamanya yang miskin — dua pertiga daripada populasinya tinggal di kawasan pedalaman dan pinggir bandar.

Penyelidikan akademik beliau tertumpu kepada Malaysia dan corak perubahan dalam sosial, ekonomi dan politik pada abad ke-20. Beliau telah memberikan syarahan mengenai Malaysia di beberapa buah Pusat Pengajian Asia Tenggara di Amerika Syarikat, Britain Netherlands, Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina dan Ghana.

Dari 1967 hingga 1968, Prof. Rogers telah mengajar di Universiti Rutgers, di Universiti California dari 1968 hingga 1969 dan di Universiti Missouri-Columbia dari 1969 hingga 1997. Beliau juga pernah menjadi Profesor Pelawat di Universiti Kebangsaan Malaysia dari 1994 hingga 1995. Sekarang ini, beliau masih lagi mengajar *Honours College course* mengenai Peperangan Vietnam.

Prof. Rogers telah menghasilkan beberapa buah buku seperti *Sungai Raya: a sociopolitical Study of a Rural Malay Community* dan *Local Politics in Rural Malaysia: patterns of change in Sungai Raya*.

## Khemah kesihatan semai kesedaran penjagaan jantung

**F**akulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) bersama-sama dengan Lembaga Amanah Kebajikan Islam Sibul dengan bantuan Kementerian Kesihatan Malaysia dari Hospital Sibul telah menganjurkan satu program yang dinamakan "Khemah Kesihatan Masyarakat Sibul 2002" baru-baru ini.

Program tersebut diadakan di pekarangan Masjid An-Nur dengan tema "Kami Prihatin Kesihatan Jantung Anda".

Objektif khemah kesihatan tersebut adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat setempat memahami kepentingan penjagaan kesihatan jantung, mengenai faktor yang membawa risiko penyakit jantung dan tanda-tanda awal penyakit jantung.

Selain itu, khemah kesihatan ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pemeriksaan susulan dan rujukan berkaitan tahap kesihatan jantung mereka. Yang menarik mengenai program ini ialah golongan profesional yang men-

beri perkhidmatan terdiri daripada anak jati Sibul yang berhasrat menabur bakti kepada masyarakat Sibul.

Khemah kesihatan ini telah dirasmikan oleh Y.B. Awang Beme Awang Ali Basah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Nangka. Sebanyak 538 orang penduduk Bandar Sibul telah mendaftar untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan percuma. Selain daripada pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan juga diadakan. Ceramah tersebut disampaikan oleh Dr. Annur Rafee, Pensyarah Kardiologi, Dr. Leela Sunt, Pensyarah Patologi dan Dr. Haironi Yusuf dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Unimas. Selain itu, Dr. Awg Ismail Mahmud, seorang doktor persendirian juga turut memberikan ceramah.

Aktiviti lain yang turut diadakan dalam khemah kesihatan ini ialah Pameran Kesihatan yang memaparkan maklumat mengenai penyakit-penyakit kronik seperti penyakit jantung koronari, hipertensi, dia-

betes militus dan amalan pemakanan sihat.

Program khemah kesihatan ini juga bertujuan mendapatkan maklumat kesihatan dan pengetahuan, sikap dan amalan penduduk Sibul berkenaan penyakit kardiovaskular yang berkaitan dengan cara hidup dan langkah-langkah pencegahan.

"Program seumpama ini akan diadakan lagi pada masa hadapan di mana ia akan memberi keputusan ujian pemeriksaan kesihatan peserta pada program Khemah Kesihatan Masyarakat Sibul 2002" kata Puan Rasidah Abdul Wahab, pensyarah dari FPSK Unimas.

"Program-program seumpama ini amat bermanfaat dan FPSK akan terus berusaha untuk menganjurkan lebih banyak lagi aktiviti seumpama ini pada masa hadapan dalam usaha untuk menerapkan amalan cara hidup sihat dan meningkatkan taraf kesihatan khususnya di kalangan penduduk Sarawak dan di negara ini secara amnya", tambah beliau.

# Upacara serah tapak



MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN  
DAN MENANDATANGANI KONTRAK  
KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN  
DAN MENANDATANGANI KONTRAK  
KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



# Unimas mengalu-alukan pelajar baru sesi 2002/2003



# Demonstrasi pangkalan data melalui talian

**J**awatankuasa Latihan dan Perkhidmatan, Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak, Pusat Khidmat Maklumat Akademik dan Access Dunia telah menganjurkan Pembentangan dan Demonstrasi Pangkalan Data Melalui Talian di Makmal Komputer Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Unimas pada 16 April lalu.

Tujuannya adalah untuk memberi pengetahuan kepada peserta tentang berbagai-bagai jenis pangkalan data melalui talian yang sedia ada, mempelajari teknik dalam pencarian maklumat serta mengenal pasti pangkalan data yang relevan.

Penyertaan terbuka kepada Pustakawan, Pegawai Maklumat dan pegawai yang terlibat dalam memberi perkhidmatan berasaskan WEB, pegawai akademik dan penyelidik. Sebanyak 49 orang peserta telah mengikuti pembentangan tersebut yang terdiri daripada pegawai akademik Unimas, pegawai/ pustakawan dari Swinburne, Kolej INTI, UiTM, Pustaka Negeri Sarawak, Yayasan Tun



Jugah, Perpustakaan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik Unimas.

Pembentangan dan demonstrasi sehari ini telah dibahagi kepada tiga sesi, iaitu sesi Pangkalan Data Elektronik yang mendemonstrasikan pangkalan data teks penuh seperti daripada CRC Press, OUP. Sesi Jurnal Elektronik mendemonstrasikan jurnal teks penuh daripada MIT Press, AIP/APS/ACS dan Blackwell sementara Sesi Teknologi menunjukkan khidmat pembekalan dokumen.

Tempoh percubaan percuma juga telah diberi kepada semua organisasi yang terlibat untuk membolehkan pengguna membuat penilaian ke atas pangkalan-pangkalan data tersebut.

Daripada maklum balas peserta melalui borang penilaian yang telah diedarkan, didapati hampir semua peserta telah berpuas hati dan mendapati ia relevan kepada mereka.

Seminar dan bengkel tentang pangkalan data melalui talian akan diadakan dari semasa ke semasa untuk mengemas kini semua pengguna tentang perkembangan dalam dunia elektronik yang kian mencabar.

## Kelab bayu terus gemilang

**K**elab Bayu di bawah kategori Seni Tari telah mengharumkan nama Unimas di arena kebudayaan negeri Sarawak khususnya tarian. Ini dapat dilihat dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh kelab ini pada semester lepas.

Sebagai usaha untuk mengetengahkan bakat ahlinya ke peringkat yang lebih tinggi, satu pasukan tarian telah dibentuk untuk menyertai Pertandingan Tarian anjuran Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak.

Pasukan ini dibimbing oleh Affendi Sebli sebagai pereka tari dan ketua penari dengan bantuan Amir Hamzah Jahidin yang bertindak sebagai pembantu teknik dan penggubah muzik.

Penari-penari lelaki terdiri daripada Mark Jemili, Murad Bolek, Safri Harudin, Janning Naog

dan Sukri Berawi manakala penari perempuan terdiri daripada Wan Siti Aishah, Noor Baizura Jamili, Nurbaizura Anong, Jazzy Felicia Temengong, Siti Shafiza Bakir dan Azziziah Abdul Zaman.

Kejayaan pertama pasukan Bayu Unimas ialah menjadi Juara Pertandingan Tarian Peringkat Bahagian yang diadakan di Dewan Suarah Kota Samarahan pada 6 Oktober 2001.

Dalam pertandingan itu, pasukan Bayu mengalahkan enam buah kumpulan kebudayaan lain dari bahagian Kota Samarahan seterusnya terpilih mewakili bahagian Kota Samarahan ke Festival Tari Peringkat Negeri.

Kecemerlangan pasukan Bayu Unimas berterusan dengan mendapat anugerah Persembahan Terbaik Keseluruhan, menewaskan sembilan pasukan dari bahagian lain pada Festival Tari Pering-

kat Negeri Sarawak di Bahagian Sarikei pada 4-7 April 2002.

Pertandingan seperti ini amat wajar dianjurkan kerana ia memberi ruang untuk melahirkan lebih banyak aktivis seni dalam bidang pentas dan memperkaya seni budaya daripada pelbagai suku kaum.

Selain itu, objektif Festival Tari adalah untuk memupuk minat di kalangan generasi muda terhadap seni tanah air, memberi peluang kepada persatuan-persatuan dan kumpulan kebudayaan di negeri Sarawak untuk mengambil bahagian dalam pertandingan kesenian dan mengeratkan kerjasama antara Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi dengan persatuan serta kumpulan kesenian dan kebudayaan di Sarawak.

### Gagak Hitam

*Khabarkan pada angin*

*Tentang setianya sayap ini menyapa di kala petang*

*Bercumbu dan bermesra dengan sang angin*

*Mengusik bulu-bulu hitam*

*Terbang melayang*

*Khabarkan pada pokok*

*Tentang setianya cengkaman kuku ini berpaut di kala petang*

*Bermain dari dahan ke dahan*

*Melompat dari ranting ke ranting*

*Dari seluruh anggota*

*Khabarkan pada bangunan*

*Tentang setianya aku ini menjadi teman di kala petang*

*Menambah seri bangunan dengan kunjunganku*

*Diambil gambar foto bersama oleh kotak hitam pelancong*

*Putih kau dan hitamku menarik hati*

*Kenangan sejarah kekal abadi*

*Khabarkan pada manusia*

*Tentang setianya siulanku ini di kala petang*

*Menghibur orang datang bertandang*

*Di Padang Kota kila bersembang*

*Khabarkan pada alam*

*Jika aku tiada, siapa lagi yang mengisi di kala petang*

*Tika rindu datang bertandang aku hilang tidak pulang*

*Padang Kota, Pulau Pinang.*

# UPSI eratkan silatulahim

**S**ebanyak 20 orang termasuk dua orang kanak-kanak dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak telah mengadakan lawatan ke Unimas selama tiga hari. Pelbagai program telah disusun oleh Fakulti Teknologi Maklumat bagi meraikan kedatangan rombongan ini dari 29 hingga 31 Mac 2002.

Setibanya di Kuching, mereka telah dibawa menjamu selera di bawah jambatan Satok dan selepas itu dibawa ke Tebingan Kuching.

Keesokan harinya rombongan dibawa melawat di sekitar kampus Unimas khususnya

Fakulti Teknologi Maklumat, Pusat Khidmat Maklumat Akademik (CAIS) dan makmal Fakulti Teknologi Maklumat. Kunjungan ke Kuching tidak akan lengkap jika tidak ke kilang pasu, kilang perabot, kedai menjual tikar, kedai cenderamata dan pasar minggu Satok yang terkenal dengan ikan terubuk masin.

Acara sukan boling telah dianjurkan sebagai perlawanan persahabatan. Sebuah pasukan lelaki dan dua buah pasukan wanita telah berhempas-pulas untuk bermain sebanyak lima permainan seorang. Pasukan Unimas telah memenangi perlawanan per-

sahabatan ini yang bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim antara kedua-dua universiti. Setelah penat berjuang di medan boling, pelawat telah dibawa ke pasar malam Satok untuk makan malam.

Setiap kali ke Sarawak, pelawat dari Semenanjung Malaysia tidak akan melepaskan peluang untuk ke Tebedu-Entikong, kawasan sempadan Malaysia-Indonesia untuk membeli-belah. Barangan yang dijual dengan harga yang murah boleh didapati di situ dan bagi yang mahir tawar-menawar dapat membeli barangan dengan harga yang lebih murah lagi. Setelah penat tawar-menawar,

penuhlah tangan kiri kanan dengan barangan dan mereka kemudiannya dibawa pula singgah di bandar Serian untuk makan tengah hari serta membeli hasil tanaman yang segar.

Separang perjalanan balik ke Kuching suasana begitu meriah dengan kisah tawar-menawar di Tebedu dan kegelian melihat ulat sagu yang menjadi makanan sebahagian kaum di Sarawak. Setibanya di Unimas mereka berkemas untuk berangkat balik pada kira-kira pukul 5.30 petang. Lawatan tiga hari di Sarawak akan tetap menjadi kenangan indah dalam lipatan memori mereka.



*Semangat kerjasama boleh dijalin melalui kerja-kerja bergotong royong.*

**K**adet PALAPES Unimas telah menganjurkan dua ekspedisi dalam bulan Februari dan April yang lalu, iaitu ke Taman Negara Niah dan Taman Negara Bako. Seramai 140 orang terlibat dalam ekspedisi tersebut, iaitu 70 orang kadet peringkat senior dan 70 orang kadet peringkat junior termasuk pegawai sukarela dan jurulatih. Ekspedisi ini banyak menguji ketahanan fizikal dan mental peserta.

Kadet peringkat senior melaksanakan ekspedisi ke Taman Negara Niah, Miri pada 22 Februari hingga 27 Februari 2002. Ekspedisi ini bertujuan melihat keindahan gua Niah yang terkenal dengan sarang burung layang-layangnya dan kaya dengan kesan arkeologi di samping aktiviti riadah seperti jungle tracking ke tempat-tempat menarik di Taman Negara Niah. Ekspedisi ke Taman Negara Bako dilaksanakan oleh kadet peringkat junior. Pelbagai aktiviti diadakan seperti gotong-royong membersihkan persekitaran pantai Bako dan Taman Ibu Pejabat serta jungle tracking ke tempat-tempat menarik di Taman Negara Bako.



# Masnita kunjungi kota larangan



Rombongan MASNITA bergambar kenangan di Tembok Besar China.

Jauh perjalanan luas pemandangan. Pepatah Melayu itulah yang menjadi inspirasi kepada Persatuan Wanita untuk Staf dan Isteri Staf Unimas (MASNITA) untuk menganjurkan lawatan ke Beijing China. Lawatan dengan kerjasama MASNITA dan TM Travel & Tours Kuala Lumpur bertolak ke Beijing dari Kuala Lumpur pada 17 Mac lalu ber-sama-sama dengan 24 orang peserta.

Aktiviti begini akan menjadi aktiviti tahunan MASNITA, bertujuan untuk merapatkan silaturrahim dikalangan ahli, di samping memberi pendedahan serta pengalaman dan mengenali budaya masyarakat luar.

Ketibaan peserta disambut oleh Salim, pemandu pelancong berbangsa Cina yang fasih berbahasa Indonesia yang kemudiannya membawa mereka ke Hotel Asia Vision untuk menyimpan barang-barang. Kebetulan pada masa itu penghujung musim dingin dan tiupan angin sejuk menusuk ke tulang menyambut kedatangan kami sebagai tanda muhibah. Setelah makan malam mereka dibawa menyaksikan persembahan akrobatik oleh kanak-kanak dan remaja terlatih di bekas kediaman isteri bekas Presiden Mou Tze Tung.

Lawatan ke Dataran Tian Aun Men merupakan agenda pada hari kedua. Peristiwa yang pernah terjadi pada tahun

1998 apabila beribu-ribu pelajar mati akibat rusuhan dan tunjuk perasaan menyebabkan mereka dilarang sama sekali mengibarkan sebarang bentuk bendera atau sepanduk di sana.

Kemudiannya mereka dibawa ke Kota Larangan atau *Forbidden City* yang kaya dengan hasil seni bentuk dan seni reka yang halus dan telah berusia beribu-ribu tahun. Di belakang Kota Larangan ini terdapat sebuah taman diraja yang dipenuhi pepohon cemara yang berdaun sepanjang tahun walaupun pada musim dingin. Mereka diperdengarkan dengan cerita "air naga" dan kisah para gundik serta "inang lelaki yang dikasi" oleh Salim dan pastinya apabila teringat kembali kisah ini mereka akan tersenyum kambing mengenangnya.

Kilang logam merupakan destinasi seterusnya dalam agenda. Di sini mereka berpeluang melihat demonstrasi pembuatan barangan kraftangan daripada tembaga seperti barangan perhiasan diri dan rumah, cendarahati dan sebagainya. Setelah makan tengah hari mereka telah dibawa ke *Summer Palace* dan yang mengagumkan ialah seni bina reka bentuk bangunan serta lukisan yang tertera di sepanjang bumbung pejalan kakinya. Yang lebih mengagumkan ialah tasik luas di situ merupakan tasik buatan manusia dan longgokan tanah yang dikorek dari tasik tadi menjadi bukit yang tersergam indah.

Setelah puas menjamu mata dan menghayun kaki mereka dibawa ke kilang mutiara untuk melihat secara dekat proses pemuliharaan mutiara dan diperkenalkan dengan kosmetik daripada mutiara asli yang sesuai untuk kecantikan serta penutihan kulit dan wajah.

Pada hari ketiga lawatan mereka dibawa ke kilang jade yang juga menjual kain sutera. Memandangkan banyak peserta terdiri daripada kaum hawa maka agenda membeli-belah barangan perhiasan dan kain sutera menjadi agenda yang tidak mahu dilepaskan. Mereka diajar mengenali jade asli berbanding tiruan atau "aspal", iaitu campuran asli dan palsu. Perjalanan seterusnya adalah ke kilang kristal dan merentasi Tembok Besar Cina yang panjangnya lebih kurang 5600 km. Dengan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan tiupan angin sejuk menusuk hingga ke tulang tidak membolehkan kami merentasinya hingga ke hujung. Bagaimanapun pengalaman itu amat berharga dan tetap tersemat di hati mereka.

Setelah kepenatan mereka telah dibawa ke kilang ubat yang menjual khas ubatan bagi menyembuhkan luka terkena lecur api dan koyok. Pekerja kilang tersebut telah membuat demonstrasi menggunakan ubat tersebut ke atas tangan yang sengaja dilecurkan dengan besi panas membara. Dalam masa 10 minit sahaja lecuran tersebut sembuh tanpa

meninggalkan kesan dan parut. Apa lagi berebut-rebutlah mereka membeli ubat tersebut dengan harga RMB220 (RM 110) sekotak. Destinasi seterusnya ialah *Underwater World* tetapi ternyata tidak banyak bezanya dengan yang terdapat di negara kita sendiri.

Panda, binatang yang hampir pupus di dunia menarik perhatian mereka ketika dibawa melawat Zoo Panda. Menurut statistik hanya tinggal enam ekor Panda di Beijing dan kurang daripada 100 ekor di seluruh China. Dalam keasyikan mendengar penerangan tentang Panda, cuaca bertukar kelam akibat tiupan taufan pasir yang melanda Mongolia menyebabkan jarak penglihatan terhad sehingga lebih kurang 100-200 meter sahaja. Menurut Salim kejadian itu hanya berlaku sebanyak empat hingga lima kali dalam setahun dan ini merupakan satu lagi pengalaman baru bagi mereka.

Selepas itu mereka dibawa ke Pusat Kesihatan Tradisional Cina dan mendapat penerangan tentang ubat-ubatan tradisional Cina yang berasaskan herba. Kini ia dikhususkan kepada Pegawai Tertinggi Kerajaan Cina sahaja. Mereka juga diberikan perkhidmatan memeriksa kesihatan secara percuma oleh doktor dan Profesor Perubatan Tradisional Cina dan disyorkan ubat-ubatan yang sesuai untuk penyakit yang telah didiagnosa. Demonstrasi "aura" elektrik juga dipersembahkan semasa lawatan itu oleh seorang pelatih di pusat tersebut.

Perjalanan diteruskan adalah ke perkampungan Islam di Beijing dan bersembahyang di Masjid Niujie antara masjid tertua dan terbesar di Beijing yang berusia 1003 tahun. Kemudiannya

mereka membeli-belah di pasar borong yang menjual barangan kulit, kasut, langsir, alas meja dan sebagainya dengan harga yang berpatutan. Di sana buah strawberi dijual dengan harga RMB12 sekilogram (RM6). Kalkulator tetap menjadi perantara utama sepanjang proses tawar-menawar walaupun sebelum itu mereka telah diajar beberapa perkataan dan pengiraan dalam bahasa Mandarin. Cara tawar-menawar dan bahasa isyarat juga diajar bagi memudahkan komunikasi dengan peniaga. Bagaimanapun ada peniaga yang dapat berkomunikasi dalam bahasa Melayu Indonesia. Kedai mereka ini menjadi tumpuan untuk membeli-belah kerana lebih mudah untuk berkomunikasi.

Pada hari kelima, kunjungan mereka diteruskan ke Tianjin yang mengambil masa dua jam melalui lebuh raya Beijing. Aktiviti utama ialah membeli-belah di Jalan Makanan dan Medan Pasar Seni Kebudayaan. Di sini berbagai-bagai jenis makanan kering dan cenderahati boleh didapati dengan harga yang berpatutan. Keunikan nelayan Tianjin menggunakan khidmat itik untuk menangkap ikan di sungai dapat disaksikan sepanjang perjalanan ke tempat meletak bas. Sekembali dari Tianjin, pusat membeli-belah berprestij kepunyaan sebuah syarikat Jerman, Lufthansa menjadi tumpuan tetapi dengan harga "setinggi langit" membuatkan mereka hanya mampu untuk menjamu mata sahaja.

Di Russian Market tawaran boleh dibuat sehingga 80% berbanding harga asal bagi sesiapa yang pandai tawar-menawar. Taktik membeli di sini adalah melarikan diri apabila harga yang tinggi

ditawarkan hingga kemudiannya peniaga akan memanggil semula pelanggan dan tawar-menawar terus berlaku hingga harga dipersetujui.

Setelah puas membeli-belah mereka menjamu selera dengan makanan tengah hari yang enak dari restoran Salama Can Ting yang terkenal dengan keenakan masakannya. Agenda itu merupakan agenda terakhir dalam lawatan ke Beijing sebelum mereka berangkat ke lapangan terbang meninggalkan kenangan manis bersama-sama dengan Salim dan penduduk Beijing yang ramah. Kehiruan jelas terbayang di mata masing-masing dan bas yang membawa mereka ke lapangan terbang kali ini sarat berbanding semasa menjejakkan kami di sini beberapa hari lalu.

Keramahan, kemesraan serta sikap mengambil berat, cerita-cerita serta kiat (tips) sepanjang lawatan ke Beijing yang diberikan oleh Salim menghangatkan seribu kenangan manis. Beijing juga merupakan salah satu tempat yang sesuai untuk membeli-belah dengan kadar tukaran wang yang rendah iaitu RMI bersamaan dengan RMB2 membuatkan delegasi lawatan ini rasa berbaloi untuk berbelanja.

Sepanjang perjalanan pulang yang memakan masa selama enam jam masing-masing meladeni perasaan. Tetapi bak kata pepatah "Hujan emas di negeri orang hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri" sebaik tiba di tanah air sendiri kira-kira pukul 10.30 malam. Kebenaran pepatah ini baru disedari lebih-lebih lagi orang yang tersayang serta ahli keluarga menanti ketibaan dengan penuh kerinduan.

#### • dari muka 16

oleh Surina Zainuddin, Amu Sapin, Cindy Sian dan Ilyiana Abdullah mendapat tempat ketiga dengan jatuhan 2204 pin.

Bagi acara lelaki, pasukan Unimas A terdiri daripada Ngatijo, Shaeedun Mohd. Jais, Wagiman Kassim dan Hj. Affandi Hj. Osman mendapat tempat kedua dengan jatuhan pin 2653 hanya berbeza 19 pin di belakang pasukan JPN yang merangkul johan. Pasu-

kan Unimas B diwakili oleh Abd. Rahman, Zahiruddin Mohd. Jais, Hamzah Mohd. Sa'ee dan Ramli Bujang di tempat ketiga dengan 2476 jatuhan pin.

Bagi memeriahkan lagi sukan boling di Unimas, Fakulti Teknologi Maklumat telah menganjurkan pertandingan boling pada 18 Mei 2002 lalu. Kategori jemputan telah dimenangi oleh pasangan Yaakub

Hulaimi dan Sarina Ahmad, tempat kedua pasangan Hj. Affandi Hj. Osman dan Norinda Su'ut dan tempat ketiga dimenangi pasangan Prof. Madya Dr. Hamsawi dan Amu Sapin. Bagi kategori fakulti pula johan dirangkul oleh pasangan Fa'aizah Shahbodin dan Abd. Rahman Mat, tempat kedua Puan Irine Sanyung dan Alvin Yeo dan tempat ketiga dimenangi oleh pasangan Hadijah Morni dan Faridah Marudin.

Selain itu, FTM menyediakan hadiah kepada staf mereka untuk beberapa kategori, iaitu kategori pemain harapan Unimas dimenangi oleh Sabrina Sabri, kategori *Gutter cleaner of the year* dirangkul oleh Faridah Marudin, manakala *Lowest Games* dimenangi oleh Puan



Shaeedun Mohd. Jais menerima hadiah daripada Prof Kadim.



Sebahagian staf yang mengambil bahagian dalam acara boling Piala Kaim di Crystal Bowl.

Inson Din. Bagi kategori pemain yang melucukan pula telah dibawa pulang oleh Seroji New, kategori *stylish player* dirangkul oleh Rosita Mahmud dan dalam kategori *Superstrike* pula dimenangi oleh Puan Irine Sanyung. Terdahulu daripada itu, perasmian pertandingan telah dilakukan oleh Dekan Fakulti Teknologi Maklumat, Prof. Madya Narayanan dengan membuat balingan dan majlis penyampaian hadiah juga telah disempurnakan oleh Prof. Madya Narayanan.

**2-3 April 2002**

Unimas adalah antara 14 buah agensi yang turut serta dalam program "Jerayawara Meningkatkan Minat terhadap Sains & Teknologi" anjuran Pejabat Ketua Menteri Sarawak. Ia dimulakan di dua buah sekolah menengah di Kanowit. Wakil Unimas ialah Hj Sa'aidin Sulaiman, Kaunselor Unimas

*pectives*" yang disampaikan oleh Prof. Michael Leigh, Pengarah Institut Pengajian Asia Timur.

**18 April 2002**

Bertempat di Bilik Mesyuarat IBEC diadakan satu siri Seminar yang bertajuk "*Too Many Species, Too Little Time: Taxonomy vs Taxonomists*" yang disampaikan oleh Prof

**27 April 2002**

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan menganjurkan seminar "*The Story of Baby M and Her Family*" yang disampaikan oleh Dr. Padmini Venkataramani, Pensyarah fakulti tersebut yang diadakan di Bilik Mesyuarat Bormill Estate II.

**27 April 2002**

Sebanyak 18 orang pelajar tingkatan Enam Atas (Sastera) dan enam orang guru dari SMB St Joseph, Kuching mengadakan lawatan sambil belajar ke Unimas. Mereka diberi taklimat oleh Cik Faaizah Shahbodin, Pensyarah Fakulti Teknologi Maklumat dan sesi ceramah motivasi disampaikan oleh Cik Saptuyah Barahim, Kaunselor dari Pusat Pemajuan Pelajar

**29 April 2002**

Fakulti Kejuruteraan menganjurkan satu syarahan umum yang bertajuk "*Photonics & Its Impact on Our Lives*" di Dewan Kuliah 7. Profesor jemputannya ialah Dr Ramakant Srivastava dari *Department of Electrical and Computer Engineering University of Florida, USA.*

**3-4 Mei 2002**

Unimas dijadikan sebagai salah sebuah tempat untuk berlangsungnya perlawanan bola sepak sempena Temasya Sukan Olahraga Ke-22 Kementerian Kesihatan Malaysia.

**7 Mei 2002**

Bertempat di Bilik Multimedia Teater, CALM satu bengkel "Wacana Menulis Manuskrip: Dari Idea ke Buku" yang disampaikan oleh Prof. Wan Zawawi Ibrahim, Timbalan Dekan Fakulti Sains Sosial anjuran Unit Penerbitan.

**8 Mei 2002**

Institut Rekabentuk & Aplikasi Ergonomik (IDEA) menganjurkan seminar *Situation*



Sutung Umar RS



Prof. Dr. Wan Zawawi memberi penjelasan dalam sesi wacana penulisan.

untuk menyampaikan ceramah motivasi dan Dr Patrus Bulan pula mengendalikan klinik berkaitan peluang pembelajaran di Unimas.

Madya Dr. Peter Ng dari National University of Singapore.

**20 April 2002**

Dr Ng Chee Khoo, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan menerima anugerah "Tan Sri Raja Zainal Prize" daripada Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM) dalam majlis 43rd Annual Dinner and Night of Awards di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Anugerah tersebut disampaikan oleh Presiden IEM.

**20 April 2002**

Ruby Marina Bt Effendi, pelajar tahun akhir Program Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi, Fakulti Kejuruteraan dianugerahi Medal Emas Institut Jurutera Malaysia/IEM Gold Medal Award pada Makan Malam Tahunan ke-43 Institut Jurutera Malaysia di Kuala Lumpur.

**13 April 2002**

Unit Kaunseling Pusat Pemajuan Pelajar Unimas menganjurkan program Ceramah Pengurusan Emosi bertajuk Kecerdasan Emosi Menstabilkan Diri Individu di Bilik Tayanangan Multimedia yang disampaikan oleh ahli psikiatri, Dr. Norizam Bt Mohd Alias dari Pusat Psikiatri, Hospital Umum Sarawak.

**16 April 2002**

Institut Pengajian Asia Timur menganjurkan Seminar Penyelidikan di Bilik Mesyuarat Canselor, Unimas jam 11.00 pagi. Seminar bertajuk "*Southeast Asian Responses to Global Terror: Malaysian-U.S. Pres-*

*Awareness in Multi-User Context* yang disampaikan oleh Prof Madya Dr Sidney Dekker dari *Linkoping Institute of Technology Sweden* di Bilik Makmal Realiti Maya.

**13 Mei 2002**

Majlis Pelancaran Pembinaan dan Menandatangani Kontrak Kampus Unimas di tapak Kampus Tetap Unimas. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Hj Abdul Taib Mahmud. Dalam upacara menandatangani Dokumen Penyerahan Tapak Bina, Unimas diwakili oleh Prof. Yusuf Hadi, Naib Canselor Unimas manakala Taisei Corp, Japan diwakili oleh Encik Satoru Ogata dan Zecon pula diwakili oleh Datu Hatta Solhi. Dalam majlis tersebut juga diadakan upacara Penyerahan Cek kepada Tabung Kebajikan Pelajar Unimas, Kelab Boling Unimas dan Persatuan MASNITA.

**15 Mei 2002**

Satu ceramah "*War Stories: Journalists In The Crosshairs*" diadakan di Bilik Multimedia Teater pada jam 10.00 pagi. Penceramah jemputan ialah Professor Steve Raymers, Professor Kewartawanan Indiana University, Bloomington, USA.

**28 Mei 2002**

Sebanyak 30 orang pelajar Tingkatan Enam Atas dan lima orang guru dari Kolej Tun Datu Tuanku Hj Bujang, Tanjung Lubang, Miri mengadakan lawatan sambil belajar ke Unimas.

**29 Mei 2002**

Sebanyak 19 orang pelajar dan enam orang guru dari SMB Tiong Hin, Sibuluan mengadakan lawatan sambil belajar ke Unimas.



Khalid Salleh (tengah) antara artis jemputan pada malam Kembara Puisi. Di sebelah kanan beliau Encik Mohd Fadzil Abdul Rahman dan di kiri beliau Prof Madya Dr. Kadim.

**12 - 18 Jun 2002**

Seramai 25 orang wakil Unimas berangkat ke pertandingan sukan peringkat IPTA di UIA diketuai oleh Prof Sulaiman Hanafi. Mereka telah menyertai pertandingan futsal, skuasy, catur dan boling.

**14 Jun 2002**

Majlis pelancaran rasmi buku cerita rakyat anjuran bersama Institut Pengajian Asia Timur dan Majlis Adat Istiadat Sarawak di aras 2, blok menara, Dewan Suarah. Majlis dirasmikan oleh YB Dato' Seri Adenan Haji Satem. Turut hadir ialah Encik Nillie Tangai, Ketua Majlis Adat Istiadat Sarawak dan Prof Yusuf Hadi, Naib Canselor, Unimas.

**15 Jun 2002**

Malam mesra bersama media telah diadakan di perkarangan kolam renang, Holiday Inn. Majlis bertujuan meraikan wartawan dan penyampaian anugerah kepada pegawai - pegawai Unimas yang telah berjaya meraih anugerah di pelbagai peringkat.

**19 Jun 2002**

Program kembara puisi telah diadakan di Dewan Unimas pada jam 8.00 malam. Persembahan dari artis jemputan antaranya Khalid Salleh, Masli NO, Sutung Umar RS,



**Prof. Dr. Wan Zawawi menunjukkan antara hasil karyanya kepada peserta wacana penulisan**

Prof Wan Zawawi, Prof Sulaiman Hanafi, Afeez Askia, A. M. Fairus, Dr. Awg Iskandar dan kumpulan sajak pelajar pelbagai kaum. Turut hadir Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan pegawai-pegawai utama Unimas.

## Dekon julang imej di persada seni

Nama Unimas gah lagi di arena seni kebangsaan. Kali ini, Pasukan Deklamasi Lakon (DEKON) Unimas telah menaikkan nama Unimas dengan menjadi Johan Persembahan Terbaik dalam Pertandingan Deklamasi Lakon MAKUM IPTA 2002 yang dipertandingkan di Universiti Malaysia Sabah pada 20-24 Mac 2002.

Kejayaan ini tambah manis apabila Pengarah DEKON, Syed Mohammad Najib Syed Mahusin iaitu pelajar tahun akhir Program Seni Persembahan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif ( FSGK ) turut memenangi anugerah Pengarah Terbaik. Dalam pertandingan ini, pasukan DEKON Unimas mempertahankan cerita bertajuk "Dendam Kasih".

Pasukan yang berjaya mengharumkan nama Unimas ini terdiri daripada Encik Hamzah Tahir sebagai Pembimbing Pasukan, Syed Mohammad Najib Syed Mahusin sebagai Pengarah dan Sinografer, Villiah Perdes Nelson dan Muhammad Hakimi Ramli sebagai pelakon, Muhammad Nazri Mohd. Khalid sebagai Pemuzik dan Pengurus Pentas dan Renny Rahayu Mohd. Razali sebagai Pengurus Teknikal.

Jalan cerita " Dendam Kasih " ini amat menarik dan mengharukan. Ia merupakan sebuah kisah cinta romantik yang turut menyelitkan unsur-unsur patriotik dalam pengkisahannya. Yang menarik, ia merupakan hasil karya pelajar Siti Fatimah Jusoh pelajar Tahun 2 FSGK.

Dendam Kasih mengisahkan percintaan dua jiwa dari bangsa yang berlainan. Tambah merumitkan, mereka adalah daripada keturunan yang menjajah dan dijajah. Percintaan yang suci terhalang oleh keluarga yang amat bencikan golongan penjajah.

Cerita ini ialah ia membawakan senario dalam dua zaman yang berbeza, iaitu zaman sekarang dan zaman selepas penjajahan Jepun. Leman, seorang pemuda tempatan bercinta dengan Miko, seorang gadis Jepun yang membuat kajian mengenai perjuangan bangsanya di Tanah Melayu. Malangnya perhubungan suci mereka mendapat halangan dari keluarga Leman yang amat bencikan bangsa Jepun. Mereka masih lagi terikat pada takuk penikiran lama yang menganggap semua bangsa Jepun adalah kejam walaupun zaman penjajahan Jepun telah lama berlalu.

Situasi ini juga pernah dialami oleh emak Leman, Milah yang pernah bercinta dengan seorang Jeneral Jepun tetapi mendapat tentangan yang amat kuat dari keluarganya. Walaupun seorang tentera bangsa penjajah, Jeneral Jepun tersebut benar-benar ikhlas dalam cintanya. Malangnya keikhlasannya tidak dapat mengatasi kebencian keluarga Milah terhadap bangsa Jepun.

Menurut Encik Hamzah Tahir, pembimbing pasukan, para pelakon dan krew Dendam Kasih terdiri daripada mereka yang memang berpengalaman dalam bidang pementasan. "Kejayaan pasukan ini adalah hasil daripada usaha gigih para pelakon dan krew berlatih dibantu oleh kekuatan jalan cerita itu sendiri", tambahnya lagi. Apabila ditanya sama ada pasukan DEKON Unimas akan mempertahankan kejuaraan lagi pada tahun hadapan, sambil tersenyum beliau menjawab pasukan Unimas akan cuba mempertahankan gelaran juara tetapi yang penting ialah memberikan persembahan yang terbaik dan berkualiti.

## BERITA SUKAN


Pertandingan Tenis Beregu Tertutup Kota Samarahan diadakan di gelanggang tenis Unimas pada 3 hingga 13 Mei lalu. Sebanyak 12 pasukan dari pelbagai jabatan kerajaan mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Keputusannya, pasangan dari Jabatan Pertanian, iaitu Dwen dan Awg Ibrahim mendapat johan, pasangan Zambari Bajjuri dan Mohd Zaki dari Unimas mendapat tempat kedua dan dua pasangan berkongsi tempat ketiga, iaitu Kaderi dan Hipni dan pasangan Edwin Buda dan Sidi Ria. Dengan menganjurkan pertandingan seperti ini Unimas dapat menyumbangkan khidmatnya kepada penduduk setempat khususnya di samping menjadi pusat sukan di Bahagian Samarahan.

Pasukan sukan lasak Unimas menyertai *Pueh Outdoor Challenge* yang mempertandingkan tiga disiplin, iaitu acara berbasikal sejauh 30 km, berlari 10 km dan berkayak 20 km pada 18 - 19 Mei lalu. Seramai lapan orang peserta yang dibahagikan kepada dua pasukan terdiri daripada pasukan Unimas Adventures diketuai oleh Hardy Suntol, Zulkipli Hj Bajjuri, Zulizwan Mohd Jawi, Hossin Shahadan dan Senita Samat. Manakala pasukan Unimas B diketuai oleh Suhairi Salem, Wiani Hj Eli, Sabehat Bujang, Suhana Mohamat dan Encik Zambari Hj Bajjuri selaku Pengurus Pasukan. Pasukan Unimas telah mendapat tempat kelima dan keenam daripada 18 pasukan yang bertanding.

Sebagai persediaan ke acara sukan antara Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), unit sukan telah menganjurkan pertandingan catur tertutup yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) pada masa makan tengah hari selama 6 hari, iaitu dari 20 hingga 25 Mei lalu. Acara ini telah menarik minat 14 orang peserta dan dua orang yang berjaya ke peringkat akhir telah dipilih untuk mewakili Unimas ke sukan IPTA di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Satu lagi acara yang dianjurkan oleh unit sukan untuk dipertandingkan ke sukan IPTA ialah sukan skuasy lelaki. Pertandingan ini telah diadakan di gelanggang skuasy Unimas pada 20 hingga 24 Mei 2002 dan seramai 18 orang peserta telah bertanding dalam acara tersebut. Manakala bagi acara Futsal pemilihan adalah berdasarkan pemain terbaik dalam pasukan bola sepak Unimas.

Dua orang peserta dari kelab Unirovers Unimas telah menyertai pertandingan Marathon Kayak Antarabangsa yang diadakan pada 26 Mei lalu. Pertandingan ini bermula dari Kem Permai, Santubong dan berakhir di Tebingan Sungai Kuching. Peserta Unimas telah berjaya mendapat tempat ke sembilan daripada 22 pasukan yang bertanding yang juga disertai oleh pekayak dari luar negara.



# Boling cengkam minat warga



Prof. Madya Dr. Kadim membuat lontaran perasmian pertandingan Piala Kadim 2002

Pasukan Unimas A masih mendahului selepas minggu ke-5 Liga CGU.

**A**cara boling merupakan acara sukan yang berprestij di Unimas dan untuk memastikan setiap pemain sentiasa bersedia menghadapi kejohanan yang dianjurkan dari semasa ke semasa oleh pelbagai agensi dan jabatan di Kuching khususnya, Unit Sukan Unimas telah mengadakan sesi latihan pada setiap hari Selasa dan Khamis. Untuk memilih wakil Unimas, pada setiap minggu terakhir latihan diadakan *roll-off* di kalangan pemain dan mereka yang berjaya mencapai tahap purata yang ditetapkan akan mewakili Unimas dalam pertandingan yang mendatang.

Bagi staf yang ingin menyertai sesi latihan ini perlu mencapai tahap purata

160 markah bagi melayakkan mereka mengikuti pemilihan bagi mewakili Unimas. Dalam perkembangan yang berkaitan, tiga pasukan dari Unimas telah menyertai pertandingan liga Boling anjuran CGU Insurance di Riverside Superbowl pada setiap malam Isnin.

Pertandingan yang dijangka akan berlangsung untuk tempoh tiga bulan ini diharapkan dapat memberi pendedahan untuk pasukan Unimas bagi menghadapi kejohanan yang lain. Pasukan Unimas menunjukkan taring mereka dengan menduduki tangga pertama liga pada minggu kelima, manakala Unimas Cemerlang di tangga keenam dan Kelab Sukan Unimas ditangga ketujuh liga. Diharapkan kedudukan ketiga-tiga pasukan Unimas ini akan meningkat dari semasa

ke semasa dan seterusnya meraih kemenangan yang memberangsangkan.

Bulan Mei menyaksikan penglibatan aktif pasukan boling Unimas dalam aktiviti sukan boling dalam Unimas dan anjuran pihak luar. Bermula dengan acara tahunan Piala Prof Madya Dr Mohamad Kadim dari Fakulti Kejuruteraan telah menyaksikan penyertaan yang begitu menggalakkan tetapi memandangkan masalah tempat hanya lapan belas pasukan layak bertanding di dalam kejohanan ini.

Kejohanan Piala Dr. Kadim telah diadakan di Crystal Bowl pada 1 Mei 2002 lalu, terbuka kepada semua staf Unimas dan setiap pasukan terdiri daripada tiga orang pemain. Acara pembukaan dimulakan dengan Prof Madya Dr. Mohamad Kadim membuat balingan dan serentak itu, kejohanan pun bermula.

Pertandingan yang sengit menyaksikan perubahan kedudukan pasukan dari blok pertama perlawanan sehingga tamat acara pada pagi itu. Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah untuk johan, kedua dan ketiga. Di samping itu, hadiah untuk *high games* dan *high series* juga menjadi rebutan dan begitu juga dalam acara individu bagi staf Fakulti Kejuruteraan. Hadiah yang disediakan ialah sumbangan peribadi Prof Madya sendiri.

Pasukan yang terdiri daripada Shaedun Mohd. Jais, Amu Sapin dan Azahar Omar telah memenangi tempat pertama dengan 2994 jatuhan pin.

Tempat kedua disandang oleh Surina Zainuddin, Cindy Sian Lajoon dan Hamzah Mohd. Sa'ee dengan jatuhan pin 2892 dan tempat ketiga dirangkul oleh Prof. Sulaiman Hanafi, Hadijah Morni dan Ya'akub Hulaimi dengan jatuhan pin sebanyak 2845. Shaedun telah merangkul hadiah *High Games* dengan markah 255 dan hadiah bagi *High Series* mengalahkan 53 peserta lain.

Sementara itu, pasukan Unimas telah menghantar dua pasukan lelaki dan dua pasukan wanita untuk acara boling Piala Dato Azman anjuran Persatuan Isteri-isteri Jabatan Persekutuan di Riverside Superbowl pada 5 dan 6 Mei 2002.

Pasukan Unimas telah menunjukkan kehebatan dengan keputusan yang memberangsangkan. Dalam acara wanita, Pasukan Unimas B yang terdiri daripada Fa'aizah Shahbodin, Hadijah Morni, Margaret Simeng dan Suriani Julaihi telah menjadi Johan dengan jatuhan pin sebanyak 2295 menewaskan 18 pasukan lain yang bertanding. Tempat kedua dimenangi oleh pasukan Imigresen dengan jatuhan pin 2251 dan pasukan Unimas A diwakili

• bersambung di muka 13



Pasukan Unimas B Wanita muncul juara boling Piala Dato Azman.